



GARIS PANDUAN

PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR BAGI MAKSUD PERDAGANGAN ATAU PERNIAGAAN

**PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

EDISI 2020

ISI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Pengenalan	3
2.	Skop	4
3.	Definisi	4-5
BAHAGIAN 1: PANDUAN PERMOHONAN		
4.	Syarat-Syarat Permohonan	6
5.	Prosedur Permohonan	6-7
6.	Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air	7
7.	Proses Kelulusan	7-11
8.	Pemantauan	11-12
9.	Pembaharuan Lesen	12
10.	Permohonan Perubahan Lokasi Mesin Jual Air	13
11.	Permohonan Perubahan Pemilik Mesin Jual Air	13
12.	Permohonan Perubahan Sistem Rawatan Dalam Mesin Jual Air	13-14
13.	Bayaran	14-15
14.	Tempoh Sahlaku Lesen	15
15.	Penggantungan Lesen	15-16
16.	Permohonan Pelepasan Peggantungan	16
17.	Pembatalan Lesen	16-17
BAHAGIAN 2: KEPERLUAN SPESIFIK		
18.	Keperluan Spesifik	18-20
	18.1 Pelabelan pada mesin jual air	
	18.2 Lokasi	
	18.3 Rekabentuk	
	18.4 Kebersihan dan Sanitasi	
	18.5 Penyelenggaraan	
	18.6 Bekalan Air	
	18.7 Kawalan Operasi	
19.	Pertanyaan	20
20.	Rujukan	20
	Senarai Lampiran dan Jadual	21
	Penghargaan	

1. PENGENALAN

Garis Panduan Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan merupakan panduan kepada pemilik mesin jual air untuk membuat permohonan Lesen Bagi Mengendalikan Mesin Jual Air.

Garis panduan ini terbahagi kepada dua Bahagian iaitu :

- Bahagian 1: Panduan Permohonan
- Bahagian 2: Keperluan Spesifik

Di bawah Peraturan 360C, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah memperuntukkan:

- 1.1 Air daripada mesin jual air hendaklah melalui ketiga-tiga proses berikut:
 - a) proses penurasan
 - b) osmosis songsang, penyulingan, pengionan atau proses yang setara; dan
 - c) penyahjangkitan
- 1.2 Air daripada mesin jual air hendaklah mematuhi standard yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Puluh Lima, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- 1.3 Pemilik mesin jual air perlu mendapatkan lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia setelah mesin siap dipasang dan sedia untuk beroperasi bagi tujuan perdagangan atau perniagaan.

Manakala, peruntukan di bawah Peraturan 53 dan 55, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 menetapkan perkara seperti berikut:

- mesin jual air hendaklah dilabelkan dengan nama dan alamat berdaftar serta diletakkan di kawasan yang sesuai dan jauh dari pencemaran.
- reka bentuknya memudahkan pembersihan dan penyelenggaraan serta diperbuat daripada bahan yang tahan kakisan dan tidak telap air.
- mempunyai sistem yang efektif untuk mengendalikan limpahan air/ kebocoran, aliran balik dan menghentikan operasi apabila proses penyahjangkitan tidak berfungsi.

2. SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua pemilik mesin jual air bagi tujuan perdagangan atau perniagaan dan mesin jual air yang mendispens air minuman tanpa apa-apa bahan tambah.

3. DEFINISI

Bagi garis panduan ini, definisi berikut adalah terpakai :

3.1 **TKPK (KA)**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia (TKPK (KA) adalah dirujuk sebagai Pengarah di bawah peruntukan Akta Makanan 1983)

3.2 **KKM**

Kementerian Kesihatan Malaysia

3.3 **PKKM**

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

3.4 **JKN**

Jabatan Kesihatan Negeri

3.5 **PKD/ PKB/ PKK**

Pejabat Kesihatan Daerah/ Pejabat Kesihatan Bahagian / Pejabat Kesihatan Kawasan

3.6 **Pemilik Mesin Jual Air**

Individu atau syarikat yang merupakan pemilik mesin jual air.

3.7 **Mesin jual air**

Mesin layan diri yang apabila dimasukkan syiling, token atau melalui apa-apa cara lain akan mengeluarkan air secara automatik untuk diminum atau kegunaan lain (Peraturan 360C, Peraturan-Peraturan Makanan 1985).

3.8 **Air dari mesin jual air**

Air yang dikeluarkan daripada mesin jual air dan mematuhi standard mengikut Jadual Kedua Puluh Lima, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

3.9 **Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air**

Dokumen yang menjelaskan aktiviti pelaksanaan kawalan keselamatan bagi air dari mesin jual air.

- 3.10 Makmal diluluskan**
Makmal yang diluluskan oleh Menteri di bawah Seksyen 3A, Akta Makanan 1983 iaitu Jabatan Kimia Malaysia.
- 3.11 Verifikasi Mesin Jual Air**
Melibatkan aktiviti audit dan pemeriksaan berasaskan bukti yang dilakukan di lapangan secara bebas dan sistematik, dilakukan oleh anggota terlatih, bagi mengenalpasti kepatuhan terhadap elemen dan aktiviti keselamatan makanan berdasarkan keperluan Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.
- 3.12 Pensampelan**
Pensampelan yang dijalankan oleh pegawai berkuasa Akta Makanan 1983, Kementerian Kesihatan Malaysia ke atas air dari mesin jual air untuk tujuan kelulusan lesen, pemantauan KKM atau pada bila-bila masa mengikut keperluan.
- 3.13 Pensampelan pemantauan sendiri**
Pensampelan yang dijalankan sendiri oleh pemegang lesen bagi tujuan pemantauan.
- 3.14 Ketidakpatuhan**
Aktiviti yang dijalankan tidak mematuhi atau tidak mengikut prosedur sedia ada.
- 3.15 Permintaan Tindakan Pembetulan (*Corrective Action Request*)**
Ketidakpatuhan yang didokumenkan oleh pegawai verifikasi dan memerlukan tindakan pembetulan oleh pemohon.

BAHAGIAN 1 : PANDUAN PERMOHONAN

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pemilik mesin jual air yang ingin memohon **Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan** perlu mematuhi syarat- syarat berikut :

- 4.1 Mesin telah siap dipasang dan sedia untuk beroperasi tetapi air yang didispens tidak boleh dijual sehingga dilesenkan.
- 4.2 Mempunyai Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air dengan kandungan minimum.
- 4.3 Menyediakan surat atau dokumen persetujuan dengan pemilik premis atau pemunya sumber bekalan air dan elektrik, jika pemilik premis dan pemilik mesin jual air adalah orang yang berlainan.
- 4.4 Memahami semua terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

5. PROSEDUR PERMOHONAN

- 5.1. Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem atas talian (*online*) di laman sesawang <http://fosimdomestic.moh.gov.my>. Sekiranya terdapat masalah pada sistem permohonan *online*, pemohon hendaklah merujuk ke JKN/PKD/PKB/PKK di mana lokasi mesin jual air berada atau emel kepada walishelpdesk@moh.gov.my.
- 5.2 Setelah permohonan diisi dengan lengkap, pemohon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan ke PKD/PKB/PKK di mana lokasi mesin jual air berada.
- 5.3 Set dokumen yang perlu dihantar adalah seperti berikut :
 - 5.3.1 Salinan Borang Permohonan (dicetak dari sistem permohonan *online*).
 - 5.3.2 Salinan kad pengenalan pemohon.
 - 5.3.3 Salinan surat atau dokumen persetujuan dengan pemilik premis atau pemunya sumber bekalan air dan elektrik (jika berkenaan).
 - 5.3.4 Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air.
 - 5.3.5 Fi proses berjumlah RM130.00 dalam bentuk tunai/ wang pos/ kiriman wang/ bank draf (bagi permohonan baru sahaja).

Rujuk Carta Alir Permohonan Baru Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan (Lampiran 2).

6. MANUAL KAWALAN KESELAMATAN AIR DARI MESIN JUAL AIR

- 6.1 Pemohon perlu menyediakan satu manual kawalan keselamatan air dari mesin jual air untuk memastikan proses rawatan air dijalankan dengan berkesan.
- 6.2 Manual ini hendaklah mengandungi semua elemen yang terdiri daripada maklumat reka bentuk mesin, proses rawatan air, pembersihan dan penyelenggaraan, kawalan bekalan air serta kawalan produk akhir.
- 6.3 Pemohon boleh merujuk kepada Contoh Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air di laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my> untuk menyediakan manual tersebut.

7. PROSES KELULUSAN

7.1 Semakan Maklumat dan Dokumen Permohonan

- 7.1.1 Maklumat permohonan yang diisi dalam sistem atas talian (*online*) akan disemak oleh pihak PKD/PKB/PKK.
- 7.1.2 Dokumen permohonan termasuk Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air yang diterima di PKD/PKB/PKK akan disemak, disah dan direkodkan. Manual hendaklah merangkumi semua elemen di dalam garis panduan ini.
- 7.1.3 PKD/PKB/PKK akan memaklumkan pemohon untuk melengkapkan maklumat atau dokumen permohonan yang tidak lengkap.

7.2 Verifikasi Mesin Jual Air

- 7.2.1 Surat makluman verifikasi akan dikeluarkan oleh PKD/PKB/PKK kepada pemohon setelah tarikh verifikasi mesin jual air dipersetujui bersama di antara PKD/PKB/PKK dan pemohon.
- 7.2.2 Verifikasi akan dibuat berdasarkan kepatuhan kepada elemen-elemen yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.

- 7.2.3 Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan semasa verifikasi dijalankan, Permintaan Tindakan Pembetulan [*Corrective Action Request (CAR)*] akan dikeluarkan kepada pemohon.
- 7.2.4 Pemohon hendaklah mengemukakan maklumbalas bagi semua CAR yang dikeluarkan semasa verifikasi dengan melengkapkan borang CAR berserta bukti bergambar atau dokumen sokongan yang berkaitan ke PKD/PKB/PKK.
- 7.2.5 Sekiranya perlu, verifikasi susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua CAR telah diambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

7.3 Pensampelan

7.3.1 Pensampelan Bagi Tujuan Kelulusan Lesen (Permohonan Baru)

- 7.3.1.1 Pensampelan dijalankan bagi tujuan memastikan kepatuhan air yang dihasilkan dari mesin jual air adalah mengikut Jadual Kedua Puluh Lima (Jadual Ke-25) iaitu Standard Bagi Air Minuman Berbungkus dan Air Dari Mesin Jual Air (rujuk Jadual A). Parameter pensampelan adalah seperti berikut:

Jenis parameter	Parameter
Kimia	1. Aluminium (Al)
	2. Ammonia (N)
	3. Arsenik (As)
	4. Ferum (Fe)
	5. Plumbum (Pb)
	6. Nitrit (NO ₂)
Bakteriologi	1. Jumlah koliform (<i>Total coliform</i>)
	2. <i>Escherichia coli</i> atau koliform termotoleran
	3. <i>Clostridium perfringens</i>

- 7.3.1.2 Sekiranya tiada CAR dikeluarkan, pensampelan akan dijalankan **dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.**

Sekiranya terdapat CAR, pensampelan akan dijalankan **dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas CAR ditutup.**

- 7.3.1.3 Pemohon perlu menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk tujuan pensampelan (rujuk Jadual B : Jadual Panduan Pensampelan Bagi Pelesenan Mesin Jual Air).

- 7.3.1.4 Sampel perlu dihantar oleh pemohon ke makmal-makmal yang diluluskan oleh KKM (rujuk Lampiran 4 : Senarai makmal yang diluluskan oleh KKM di bawah peruntukan Akta 3A, Akta Makanan 1983). Pemohon digalakkan menghubungi makmal yang berkenaan terlebih dahulu bagi urusan penghantaran sampel.
- 7.3.1.5 Pemohon hendaklah mengemukakan laporan keputusan analisis (CoA) yang diterima dari makmal tersebut ke PKD/PKB/PKK dalam tempoh tiga (3) hari.
- 7.3.1.6 PKD/PKB/PKK akan mengesahkan laporan keputusan analisis (cop semak dan tandatangan) bagi setiap helaian mengikut kepatuhan terhadap Jadual Ke-25, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

7.3.2 Pensampelan Semula Sekiranya Terdapat Pelanggaran Sampel Semasa Proses Kelulusan Lesen (Permohonan Baru)

- 7.3.2.1 Sekiranya terdapat pelanggaran ke atas sampel yang telah dianalisis, pemohon perlu menjalankan siasatan terhadap punca pelanggaran dan membuat tindakan pembedahan **dalam tempoh empat (4) hari dari tarikh laporan keputusan analisis (CoA) diterima oleh pihak PKD/PKB/PKK.**
- 7.3.2.2 Pemohon perlu memaklumkan kepada PKD/PKB/PKK setelah semua tindakan pembedahan diambil. PKD/PKB/PKK akan menjalankan verifikasi ke atas semua tindakan pembedahan tersebut.
- 7.3.2.3 Pensampelan semula akan dijalankan setelah semua tindakan pembedahan memuaskan. **Had kekerapan pensampelan semula adalah dua (2) kali.**
- 7.3.2.4 Sampel perlu dihantar oleh pemohon ke makmal-makmal yang diluluskan oleh KKM di bawah peruntukan Akta 3A, Akta Makanan 1983.
- 7.3.2.5 Sekiranya keputusan pensampelan masih tidak mematuhi, permohonan akan terbatal dan tindakan penguatkuasaan akan diambil mengikut prosedur penguatkuasaan.

7.4 Laporan Akhir

- 7.4.1 PKD/PKB/PKK akan menyediakan laporan akhir dengan mengemaskini maklumat verifikasi dan pensampelan dalam sistem atas talian (*online*) setelah semua tindakan pembetulan serta laporan keputusan analisis mematuhi.
- 7.4.3 Laporan akhir dicetak dan dikemukakan kepada Pegawai Kesihatan Daerah / Pegawai Kesihatan Bahagian/ Pegawai Kesihatan Kawasan bagi tujuan sokongan.
- 7.4.4 PKD/PKB/PKK hendaklah memaklumkan pemohon melalui surat rasmi (format surat seperti di Lampiran 9) untuk membuat bayaran fi lesen sebanyak RM 150.00 bagi setiap mesin jual air dalam bentuk tunai/ wang pos/ kiriman wang/ bank draf di Unit Kewangan PKD/PKB/PKK.
- 7.4.5 Pemohon hendaklah mengemukakan salinan resit bayaran fi lesen kepada PKD/PKB/PKK.
- 7.4.6 PKD/PKB/PKK akan mengemukakan set dokumen berikut ke JKN:
- i) Senarai Semak Permohonan (KKM-MJA 1/2020)
 - ii) Salinan resit fi proses
 - iii) Salinan laporan keputusan analisis (CoA)
 - iv) Salinan Borang Verifikasi Mesin Jual Air
 - v) Salinan Borang Permintaan Tindakan Pembetulan (sekiranya berkenaan)
 - vi) Laporan akhir (dicetak dari sistem *online*)
 - vii) Senarai Fi Lesen Yang Diterima Daripada Pemohon (rujuk format di Lampiran 8) berserta salinan resit fi lesen
 - viii) Surat iringan

7.5 Perakuan JKN

- 7.5.1 JKN akan menyemak set dokumen permohonan yang diterima dari PKD/PKB/PKK mengikut Senarai Semak Permohonan (KKM-MJA 1/2020).
- 7.5.2 Setelah memastikan kesemua keperluan pelesenan dipenuhi (kecukupan dokumen, penutupan ketidakpatuhan dan keputusan analisis sampel), JKN akan membuat perakuan pada Senarai Semak Permohonan **dalam tempoh lima (5) hari bekerja.**

7.5.3 JKN akan mengemukakan set dokumen berikut ke PKKMM :

- i) Senarai Semak Permohonan (KKM-MJA 1/2020)
- ii) Senarai Fi Lesen Yang Diterima Daripada Pemohon (rujuk format di Lampiran 8) dan berserta salinan resit fi lesen
- iii) Laporan akhir
- iv) Surat iringan (rujuk format di Lampiran 10)

7.6 Kelulusan lesen

7.6.1 Permohonan lengkap yang diterima oleh PKKMM, KKM akan diproses **dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.**

7.6.2 Senarai Lesen MJA yang diluluskan akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Air Minuman Berbungkus, Air Mineral Semulajadi, Ais dan Mesin Jual Air.

7.6.3 Lesen akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan daripada TKPK (KA).

PERINGATAN : Tindakan Penguatkuasaan Boleh Diambil Sekiranya Mesin Jual Air Tidak Mendapat Lesen Dalam Tempoh Tiga (3) Bulan Dari Tarikh Permohonan Lesen (selaras dengan surat rujukan KKM.600-19/8/1 Jld.5(38))

8. PEMANTAUAN

8.1 Pemantauan KKM

8.1.1 Pemantauan berkala akan dijalankan setahun sekali oleh JKN/PKD/PKB/PKK.

8.1.2 Pegawai JKN/PKD/PKB/PKK boleh menjalankan pemantauan ke atas mesin jual air pada bila-bila masa untuk memastikan keberkesanan kawalan keselamatan air dari mesin jual air.

8.1.3 Pegawai JKN/PKD/PKB/PKK akan menjalankan verifikasi bagi mengesahkan sama ada pemegang lesen telah menjalankan aktiviti pemantauan sendiri serta melaksanakan aktiviti pembersihan dan penyelenggaraan dengan berkesan.

8.1.4 Pensampelan bagi tujuan pemantauan KKM akan dijalankan sekiranya perlu.

8.2 Pemantauan Sendiri

8.2.1 Pemantauan sendiri dijalankan oleh pemohon setelah kelulusan lesen diperolehi daripada PKKMM.

8.2.2 Pemantauan sendiri hendaklah dijalankan ke atas air dari mesin jual air bagi parameter warna, bau dan rasa sekurang-kurangnya sebulan sekali dan direkodkan.

9. PEMBAHARUAN LESEN

9.1 Permohonan bagi pembaharuan lesen perlu dikemukakan sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** sebelum tamat tempoh sahlaku lesen.

9.1.1 Adalah menjadi tanggungjawab pemegang lesen untuk memastikan permohonan pembaharuan dikemukakan seperti klausa 9.1.

9.1.2 JKN/PKD/PKB/PKK boleh mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap mesin jual air yang masih beroperasi selepas tamat tempoh.

9.2 Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem atas talian (*online*) di laman sesawang <http://fosimdomestic.moh.gov.my>. Sekiranya terdapat masalah pada sistem permohonan *online*, pemohon hendaklah merujuk ke PKD/PKB/PKK di mana lokasi mesin jual air berada.

9.3 Setelah permohonan diisi dengan lengkap, pemohon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan ke PKD/PKB/PKK di mana lokasi mesin jual air berada.

9.4 Set dokumen yang perlu dihantar adalah seperti berikut :

9.4.1 Salinan Borang Permohonan (dicetak dari sistem permohonan *online*).

9.4.2 Salinan kad pengenalan pemohon.

9.4.3 Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air (sekiranya terdapat perubahan pada sistem rawatan air atau lokasi pemasangan mesin)

9.5 Pembaharuan lesen akan melibatkan proses verifikasi mesin jual air. Sekiranya mesin jual air didapati dalam keadaan yang tidak memuaskan, pensampelan air akan dijalankan.

Rujuk Carta Alir Permohonan Pembaharuan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan (Lampiran 3).

10. PERMOHONAN PERUBAHAN LOKASI MESIN JUAL AIR

10.1 Mesin Jual Air Yang Belum Dilesenkan

10.1.1 Sekiranya mesin jual air berubah lokasi daripada alamat yang telah diisi dalam sistem permohonan *online*, pemohon hendaklah mengemukakan semula permohonan baru mengikut Prosedur Permohonan seperti di klausa 5.

10.1.2 Bayaran fi proses perlu disertakan bersama-sama permohonan tersebut.

10.2 Mesin Jual Air Yang Telah Dilesenkan

10.2.1 Pemegang lesen perlu memaklumkan sekiranya ingin mengubah lokasi mesin jual air yang telah dilesenkan dan mengembalikan lesen tersebut ke PKD/PKB/PKK secara bertulis (salinan kepada JKN dan PKK). Lesen di lokasi terdahulu akan dibatalkan.

10.2.2 Permohonan baru perlu dikemukakan semula mengikut Prosedur Permohonan seperti di klausa 5 berserta dengan bayaran fi proses.

11. PERMOHONAN PERUBAHAN PEMILIK MESIN JUAL AIR

11.1 Pemegang lesen perlu memaklumkan kepada PKD/PKB/PKK secara bertulis (salinan kepada JKN dan PKK) sekiranya ingin menukar nama pemilik bagi mesin jual air yang telah dilesenkan dan melampirkan dokumen berikut:

11.1.1 Salinan kad pengenalan pemilik baru

11.1.2 Salinan surat atau dokumen persetujuan dengan pemilik premis atau pemunya sumber bekalan air dan elektrik (jika berkenaan)

11.1.3 Lesen asal

11.2 Pemilik baru hendaklah mengisi permohonan melalui sistem atas talian (*online*) dan dikecualikan bagi proses verifikasi dan pensampelan dengan syarat lesen tersebut masih dalam tempoh sahlaku.

12. PERMOHONAN PERUBAHAN SISTEM RAWATAN DALAM MESIN JUAL AIR

12.1 Pemohon perlu memaklumkan kepada PKD/PKB/PKK secara bertulis (salinan kepada JKN dan PKK) sekiranya ingin membuat perubahan ke atas sistem rawatan dalam mesin jual air yang telah dilesenkan berserta manual yang telah dikemaskini pada bahagian carta alir proses rawatan.

12.2 PKD/PKB/PKK akan menjalankan verifikasi ke atas sistem rawatan tersebut dan menjalankan pensampelan. Laporan akan disediakan dan dikemukakan ke PKK.

- 12.3 Surat kelulusan bagi sistem rawatan yang telah diubah akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan daripada TKPK (KA).

13. BAYARAN

3.1 Fi Proses

- 13.1.1 Pemohon perlu mengemukakan bayaran fi proses sebanyak RM 130.00 bagi setiap permohonan ke PKD/PKB/PKK yang berkenaan.
- 13.1.2 Bayaran **fi proses** hanya dikenakan untuk **permohonan baru sahaja** dan bayaran tidak akan dikembalikan.
- 13.1.3 Kaedah bayaran bagi fi proses menggunakan konsep lokaliti dan dikenakan bagi permohonan baru sahaja .
- 13.1.4 Pemohon dibenarkan untuk memohon lebih daripada satu (1) buah mesin jual air dalam satu (1) borang permohonan dengan syarat semua mesin jual air tersebut berada dalam daerah yang sama.

Contoh :

- i. Situasi 1:
Syarikat A mempunyai enam (6) buah mesin jual air yang diletakkan dalam Daerah A. Oleh itu, syarikat A perlu menghantar permohonan lesen bagi keenam-enam mesin jual airnya ke PKD A. Jumlah fi yang harus dibayar adalah :
 $RM\ 130.00 + RM\ 900.00\ (RM\ 150.00 \times 6\ \text{buah mesin}) = RM\ 1030.00$
- ii. Situasi 2:
Syarikat A yang sama ingin memohon lesen bagi lima (5) buah mesin jual air tambahan di Daerah A pada masa akan datang, fi proses sebanyak RM 130.00 tetap perlu dibayar oleh Syarikat A berserta bayaran fi lesen :
 $RM\ 130.00 + RM\ 750.00\ (RM\ 150.00 \times 5\ \text{buah mesin}) = RM\ 880.00$
- iii. Situasi 3:
Syarikat B mempunyai tiga (3) buah mesin jual air di Daerah B dan sepuluh (10) buah mesin jual air di Daerah C. Oleh itu, jumlah fi yang perlu dibayar adalah :
PKD B
 $RM\ 130.00 + RM\ 450.00\ (RM\ 150.00 \times 3\ \text{buah mesin}) = RM\ 580.00$
PKD C
 $RM\ 130.00 + RM\ 1500.00\ (RM\ 150.00 \times 10\ \text{buah mesin}) = RM\ 1630.00$

13.1.4 Bayaran fi proses hendaklah dibayar dalam bentuk tunai/ wang pos/ kiriman wang/ bank draf mengikut tempat pembayaran dan ditulis atas nama :

Tempat Pembayaran	Penerima Bayaran
Jabatan Kesihatan Negeri	Pengarah Kesihatan Negeri
Pejabat Kesihatan Daerah	Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Bahagian	Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Kawasan	Pegawai Kesihatan Kawasan

13.1.5 Bagi bayaran dalam bentuk wang pos/ kiriman wang/ bank draf, pemohon hendaklah memastikan ianya masih dalam tempoh sahlaku.

13.2 Fi Lesen

13.2.1 Pemohon perlu mengemukakan bayaran fi lesen sebanyak RM 150.00 bagi setiap mesin jual air ke PKD/PKB/PKK dalam bentuk tunai/ wang pos/ kiriman wang/ bank draf setelah mendapat surat makluman pembayaran dari PKD/PKB/PKK.

13.2.2 Pemohon hendaklah memastikan tarikh pada wang pos/ kiriman wang/ bank draf adalah **masih dalam tempoh sahlaku** sebelum dihantar ke PKD/PKB/PKK.

13.2.3 Bayaran fi lesen hendaklah ditulis atas nama :

Tempat Pembayaran	Penerima Bayaran
Jabatan Kesihatan Negeri	Pengarah Kesihatan Negeri
Pejabat Kesihatan Daerah	Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Bahagian	Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Kawasan	Pegawai Kesihatan Kawasan

13.2.4 Bagi mesin jual air yang mempunyai satu (1) sistem rawatan dengan beberapa muncung pendispens, fi lesen hanya dikenakan sebanyak RM 150.00 sahaja.

13.2.5 Bayaran fi lesen akan dikembalikan sekiranya permohonan tidak diluluskan.

14. TEMPOH SAHLAKU LESEN

Tempoh sahlaku lesen adalah dua (2) tahun daripada tarikh lesen dikeluarkan.

15. PENGGANTUNGAN LESEN

- 15.1 Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan akan digantung atas sebab-sebab berikut:
- 15.1.1 Pemegang lesen gagal mematuhi syarat-syarat pemegang lesen (Lampiran 5).
 - 15.1.2 Keputusan pensampelan bagi analisis air semasa pemantauan atau permohonan pembaharuan lesen melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- 15.2 Tempoh penggantungan adalah bergantung kepada keputusan TKPK (KA).
- 15.3 Mesin jual air **tidak dibenarkan** untuk beroperasi bagi tujuan perdagangan atau perniagaan dan pemegang lesen perlu menjalankan tindakan pembedahan sepanjang tempoh penggantungan lesen (sekiranya melibatkan isu keselamatan makanan).
- 15.4 Sekiranya pemegang lesen gagal menjalankan tindakan pembedahan atau tiada penambahbaikan yang diambil dalam tempoh penggantungan lesen, tindakan pembatalan lesen boleh diambil.

16. PERMOHONAN PELEPASAN PENGGANTUNGAN

Pelepasan dari tindakan penggantungan hanya akan dipertimbangkan sekiranya :

- 16.1 Pemegang lesen telah menjalankan tindakan pembedahan dalam tempoh penggantungan lesen dan telah mendapat pengesahan daripada JKN dan PKD/PKB/PKK.
- 16.2 Pemegang lesen mengemukakan surat permohonan pelepasan dari penggantungan secara bertulis kepada TKPK (KA). Satu salinan surat perlu dikemukakan kepada PKKM, JKN dan PKD/PKB/PKK.

17. PEMBATALAN LESEN

- 17.1 Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan akan dibatalkan atas sebab-sebab berikut :
- 17.1.1 Terdapat permohonan membatalkan lesen secara sukarela dari pemegang lesen secara bertulis.
 - 17.1.2 Pemegang lesen mengubah lokasi mesin jual air yang telah diluluskan tanpa memaklumkan kepada pihak PKD/PKB/PKK.

- 17.1.3 Pemegang lesen gagal menjalankan tindakan pembetulan atau tiada tindakan penambahbaikan diambil ke atas arahan tindakan pembetulan yang dikeluarkan ketika proses permohonan pembaharuan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 17.1.4 Pemegang lesen gagal menjalankan tindakan pembetulan atau tiada tindakan penambahbaikan diambil dalam tempoh penggantungan lesen.
- 17.2 Lesen akan ditarikbalik apabila lesen dibatalkan.
- 17.3 Tindakan pembatalan lesen adalah tertakluk kepada arahan TKPK (KA).
- 17.4 Pemegang lesen boleh membuat permohonan semula sekiranya masih berminat untuk mengendalikan mesin tersebut.

BAHAGIAN 2 : KEPERLUAN SPESIFIK

18. KEPERLUAN SPESIFIK

18.1 Pelabelan Pada Mesin Jual Air

- 18.1.1 Nama pemilik mesin jual air.
- 18.1.2 Alamat berdaftar.
- 18.1.3 Alamat lokasi mesin.
- 18.1.4 Nombor kelulusan lesen (perlu dinyatakan setelah mendapat kelulusan).
- 18.1.5 Nombor telefon pemilik mesin jual air bagi tujuan aduan/ mendapatkan maklumat dan lain-lain.
- 18.1.6 Tidak boleh menyatakan sebarang tuntutan kesihatan.

18.2 Lokasi

- 18.2.1 Kawasan yang sesuai bagi melindungi air daripada pencemaran.
- 18.2.2 Ruang di sekeliling dan di bawah mesin mudah dicapai untuk tujuan pembersihan.
- 18.2.3 Bukan sarang atau tempat pembiakan makhluk perosak.
- 18.2.4 Lantai yang rata dan diperbuat daripada bahan yang tidak telap air, mudah dicuci dan dapat menahan cucian berulang kali.

18.3 Reka bentuk

- 18.3.1 Mempunyai reka bentuk yang memudahkan pembersihan dan penyelenggaraan dijalankan iaitu merangkumi permukaan luar dan dalam serta setiap komponen dalam mesin.
- 18.3.2 Bahagian dan permukaan yang bersentuhan dengan air hendaklah diperbuat daripada bahan yang sesuai, tidak toksik, tahan kakisan dan tidak telap serta boleh menahan pembersihan/ rawatan sanitasi yang berulang-ulang.
- 18.3.3 Mempunyai muncung pendispens yang tahan kakisan dan terlindung (*guarded*).

- 18.3.4 Mempunyai rekabentuk yang dapat memastikan apa-apa rawatan ke atas air dapat dilakukan dengan konsisten dan efektif.
- 18.3.5 Mempunyai sistem yang berkesan untuk mengumpul dan mengendalikan titisan, tumpahan atau limpahan air. Bekas yang digunakan untuk pengumpulan titisan, tumpahan atau limpahan air hendaklah tahan bocor, mudah dialih, dibersihkan dan tahan kakisan.
- 18.3.6 Mempunyai peranti atau rekabentuk yang dapat mencegah aliran balik (*backflow*) bagi semua sambungan dengan sumber bekalan air.
- 18.3.7 Mempunyai sistem penyahjangkit melalui proses pengozonan atau kaedah-kaedah lain yang diluluskan oleh Pengarah.
- 18.3.8 Mempunyai peranti pemantau yang berfungsi untuk menghentikan operasi apabila unit penyahjangkitan gagal berfungsi, atau boleh dimonitor setiap hari ketika dibuka atau boleh ditutup secara manual apabila unit penyahjangkitan gagal berfungsi.
- 18.3.9 Mempunyai pintu yang tutup sendiri secara automatik (*self-closing door*) bagi melindungi muncung pendispens ketika mesin tidak digunakan.

18.4 Kebersihan dan Sanitasi

- 18.4.1 Sentiasa berkeadaan bersih bagi mencegah pembiakan makhluk perosak.
- 18.4.2 Pembersihan perlu dibuat secara berkala. Kekerapan pembersihan adalah bergantung kepada jenis mesin, lokasi dan faktor persekitaran.
- 18.4.3 Peralatan dan perkakasan dalaman perlu mudah dikeluarkan bagi tujuan pembersihan.
- 18.4.4 Jadual bagi aktiviti pembersihan perlu disediakan dan direkod.
- 18.4.5 Bahan kimia yang digunakan untuk tujuan pembersihan hendaklah dikendalikan mengikut arahan pengeluar bahan kimia tersebut.

18.5 Penyelenggaraan

- 18.5.1 Alatan seperti penapis dan peralatan lain perlu mudah dikeluarkan bagi tujuan pemeriksaan dan penggantian.

18.5.2 Jadual bagi aktiviti penyelenggaraan perlu disediakan dan direkod.

18.6 Bekalan Air

18.6.1 Bekalan air adalah daripada sumber bekalan air awam yang diluluskan.

18.6.2 Bekalan air adalah selamat dan mencukupi.

18.6.3 Sistem pembekalan air perlu direkabentuk sempurna bagi mengelakkan pencemaran dan aliran balik (*backflow*).

18.7 Kawalan Operasi

18.7.1 Pemantauan bulanan perlu dijalankan ke atas produk akhir bagi parameter warna, bau dan rasa setiap bulan.

19. PERTANYAAN

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi :

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 4, Menara Prisma,
No. 26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3,
62679 Putrajaya

No. Telefon : 03-8885 0797

No. Faks : 03-8885 0798

Laman sesawang : <http://fsq.moh.gov.my>

20. RUJUKAN

Akta Makanan 1983
Peraturan-Peraturan Makanan 1985
Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009

SENARAI LAMPIRAN DAN JADUAL

Lampiran 1	Senarai Semak Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan (KKM-MJA 1/2020)
Lampiran 2	Carta Alir Permohonan Baru Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan
Lampiran 3	Carta Alir Permohonan Pembaharuan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan
Lampiran 4	Senarai Makmal Yang Diluluskan Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
Lampiran 5	Syarat-Syarat Pemegang Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air
Lampiran 6	Senarai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri
Lampiran 7	Langkah-Langkah Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air secara atas talian (<i>online</i>)
Lampiran 8	Senarai Fi Lesen Yang Diterima Daripada Pemohon
Lampiran 9	Format Surat Iringan Bagi Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air
Jadual A	Jadual Kedua Puluh Lima, Peraturan-Peraturan Makanan 1985
Jadual B	Jadual Panduan Pensampelan Bagi Pelesenan Mesin Jual Air
Jadual C	Jadual Penghantaran Sampel

BORANG KKM-MJA 1/2020



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Senarai Semak Permohonan
Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan**

No. Fail _____

Jumlah Mesin Yang Dimohon _____

Nama Pemohon _____

Jenis Permohonan Baru Pembaharuan

Bil.	Perkara	Kecukupan Dokumen		
		Pemohon	PKD/PKB/PKK	JKN
1	Borang permohonan (dicetak dari sistem Fosim Domestik)			
2	Salinan kad pengenalan pemohon			
3	* Surat persetujuan dengan pemilik premis atau pemunya sumber bekalan air dan elektrik			
4	* Salinan resit fi proses			
5	# Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air			
5.1	Carta Alir Proses			
5.2	Deskripsi Mesin Jual Air			
5.3	Pembersihan dan Penyelenggaraan			
5.4	Kawalan Bekalan Air			
5.5	Kawalan Produk Akhir			
6	# Laporan keputusan analisis air (CoA)			
7	Borang Verifikasi Mesin Jual Air (MJA-2/17)			

Rev. March

Bil.	Perkara	Kecukupan Dokumen		
		Pemohon	PKD/PKB/PKK	JKN
8	Borang Permintaan Tindakan Pembetulan (MJA-3/17)			
9	Laporan akhir (dicetak dari sistem Fosim Domestik)			
10	Salinan resit fi lesen			
NOTA: UNTUK PERMOHONAN PEMBAHARUAN;				
1	Dokumen bertanda * tidak perlu disertakan.			
2	Dokumen bertanda # :			
	i)	Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air disertakan sekiranya terdapat perubahan pada sistem rawatan air		
	ii)	Laporan keputusan analisis air disertakan sekiranya pensampelan dijalankan (mengikut keperluan)		
Untuk Diisi Oleh Pegawai PKD/PKB/PKK				
Tarikh Terima : _____				
Tarikh Proses : _____				
Status : Lengkap <input type="checkbox"/> Tidak lengkap <input type="checkbox"/>				
Catatan : (sekiranya tidak lengkap)				
Tarikh Lengkap : _____				
Ulasan : Permohonan				
<input type="checkbox"/> Disokong				
<input type="checkbox"/> Tidak Disokong				
Disediakan oleh:		Disemak oleh:		
Tandatangan				
Nama dan Cop Jawatan				
Tarikh				

Untuk Diisi Oleh Pegawai BKMM, JKN

Tarikh Terima : _____

Tarikh Proses : _____

Ulasan : * Permohonan mematuhi / tidak mematuhi keperluan pelesenan
(*sila potong yang tidak berkenaan*)

Disemak oleh:


Diperakukan oleh:

Tandatangan

Nama dan Cop
Jawatan

Tarikh

CARTA ALIR PERMOHONAN BARU LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR



- Pemohon:**
- (i) Isi permohonan melalui sistem atas talian (*online*) di fosimdomestic.moh.gov.my
 - (ii) Cetak maklumat permohonan dari sistem atas talian (*online*)
 - (iii) Sediakan dokumen sokongan (klausula 5.3 Garis Panduan Permohonan Lesen untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan)
 - (iv) Fi proses RM 130.00

Terima permohonan dan kunci masuk maklumat permohonan dalam pangkalan data

Terima fi proses dan keluarkan resit fi proses

Semak senarai kecukupan dokumen permohonan mengikut Senarai Semak KKM-MJA 1/2020

Urus dan tetapkan tarikh verifikasi MJA

Jalankan verifikasi MJA


Jalankan pensampelan air :
 (i) dalam tempoh 3 hari bekerja jika tiada CAR
 (ii) dalam tempoh 3 hari selepas CAR ditutup

Hantar sampel ke makmal yang diluluskan oleh KKM


Terima laporan keputusan analisis
 Kemukakan laporan keputusan analisis ke PKD/PKB/PKK dalam tempoh 3 hari bekerja

Semak kepatuhan dan sahkan laporan keputusan analisis

Kemaskini maklumat verifikasi dan pensampelan dalam sistem atas talian (*online*)



CARTA ALIR PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR



Pemohon:

- (i) Isi permohonan melalui sistem atas talian (*online*) di fosimdomestic.moh.gov.my
- (ii) Cetak maklumat permohonan dari sistem atas talian (*online*)
- (iii) Sediakan dokumen sokongan (klausu 9.4 Garis Panduan Permohonan Lesen untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan)

Terima permohonan dan kunci masuk permohonan dalam pangkalan data

Semak senarai kecukupan dokumen permohonan

Urus dan tetapkan tarikh verifikasi MJA

Jalankan verifikasi MJA.


Jalankan pensampelan air (sekiranya perlu):
 (i) dalam tempoh 3 hari bekerja jika tiada CAR
 (ii) dalam tempoh 3 hari selepas CAR ditutup

Hantar sampel ke makmal yang diluluskan oleh KKM (sekiranya perlu)

Terima laporan keputusan analisis
 Kemukakan laporan keputusan analisis ke PKD/PKB/PKK dalam tempoh 3 hari bekerja (sekiranya perlu)

Semak kepatuhan dan sahkan laporan keputusan analisis (sekiranya perlu)

Kemaskini maklumat verifikasi dan pensampelan (sekiranya ada) dalam sistem atas talian (*online*)



**SENARAI MAKMAL YANG DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA**

Bil.	Nama dan Alamat Makmal	No. Telefon	No. Faks	Parameter Analisis
1.	Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Jalan Sultan, 46661 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	03-7985 3194	03-7985 3028	Kimia dan Bakteriologi
2.	Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Makmal Cawangan Pulau Pinang, Jalan Tuli 10450 Pulau Pinang	04-222 8300	04-222 8333	Bakteriologi
3.	Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Makmal Cawangan Perak Jalan Sultan Azlan Shah 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan	05-546 6001	05-545 1204	Bakteriologi
4.	Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Makmal Cawangan Johor Jalan Abdul Samad 80100 Johor Bahru Johor Darul Takzim	07-222 6366	07-223 8366	Bakteriologi
5.	Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Makmal Cawangan Sabah Rose Garden, Jalan Penampang 88300 Kota Kinabalu, Sabah	088-259 090	088-259 955	Bakteriologi
6.	Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Kuching Lot 3148, Blok 14 Jalan Sultan Tengah, Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak	082-313 011/ 443 960/ 443 966	082-444 623	Kimia dan Bakteriologi

SYARAT-SYARAT PEMEGANG LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR

1. Pemegang lesen hendaklah sentiasa memastikan kesemua peruntukan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan di bawahnya dipatuhi.
2. Pemegang lesen hendaklah membenarkan mana-mana pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil sampel air dari mesin jual air bagi tujuan analisa pada bila-bila masa yang yang difikirkan perlu.
3. Pemegang lesen hendaklah sentiasa memastikan pelekat lesen dipamerkan pada mesin jual air.
4. Pemegang lesen hendaklah melaporkan kepada Pengarah tentang sebarang perubahan kepada mesin jual air :
 - a. Perubahan pemilik mesin jual air
 - b. Perubahan lokasi
 - c. Perubahan sistem rawatan air yang digunakan
5. Permohonan pembaharuan lesen perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah laku lesen.
6. Pemegang lesen perlu melaksanakan pemantauan sendiri ke atas air dari mesin jual air sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan yang merangkumi parameter fizikal iaitu warna, bau dan rasa.
7. Pemegang lesen perlu menjalankan tindakan pembetulan sekiranya terdapat sebarang risiko pencemaran hasil dari pemantauan sendiri yang dijalankan.
8. Pemegang lesen perlu mematuhi sebarang syarat yang ditetapkan secara bertulis oleh Pengarah dari semasa ke semasa. Kegagalan pemegang lesen dalam mematuhi mana-mana syarat pemegang lesen boleh mengakibatkan lesen digantung atau dibatalkan.

**SENARAI BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN, JABATAN KESIHATAN
NEGERI**

BIL.	ALAMAT	NO. TELEFON DAN NO.FAKS
1.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Perlis KM 1, Jalan Abi Tok Hashim 01000 Kangar, Perlis	Tel : 04-9766989 / 04-9777599 Fax : 04-9776369 / 04-9767419
2.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah Simpang Kuala Jalan Kuala Kedah 05400 Alor Setar, Kedah	Tel : 04-7741000 / 04-7741015 Fax : 04-7741022
3.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Tingkat 38, KOMTAR 10590 Pulau Pinang	Tel : 04-2625533 / 04-2017245 Fax : 04-2263371
4.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Perak Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab 30590 Ipoh, Perak	Tel : 05-2084200 Fax : 05-2550740
5.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor Tingkat 14, Wisma Sunway Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan 40100 Shah Alam, Selangor	Tel : 03-55182121 Fax : 03-55185194 / 03-55185195
6.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Jalan Cenderasari 50590 Kuala Lumpur	Tel : 03-22687333 / 03-22687361 Fax : 03-22687555
7.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan Jalan Rasah 70300 Seremban, Negeri Sembilan	Tel : 06-7664800 / 06-7625231 Fax : 06-7638543
8.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka Tingkat 5, Wisma Persekutuan Jalan Business City, Bandar MITC 75450 Ayer Keroh, Melaka	Tel : 06-2356900 Fax : 06-2345969

BIL.	ALAMAT	NO. TELEFON DAN NO.FAKS
9.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Johor Hospital Permai Lama Jalan Persiaran Permai 81200 Johor Bahru, Johor	Tel : 07-2231102 / 07-2372110 Fax : 07-2367278
10.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang Jalan IM4 Bandar Indera Mahkota 25582 Kuantan, Pahang	Tel : 09-5707750 / 09-5707999 Fax : 09-5707798 / 09-5178497
11.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu Kuala Terengganu Business Centre Jalan Sultan Mohamad 21100 Hiliran Kuala Terengganu, Terengganu	Tel : 09-6226028 Fax : 09-6221385
12.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Tingkat 7, Bangunan KWSP Jalan Padang Garong 15000 Kota Bharu, Kelantan	Tel : 09-7416736 / 09-7413353 Fax : 09-7471890
13.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Tingkat 5, Wisma BSN 88000 Kota Kinabalu, Sabah	Tel : 088-248201 / 088-248205 Fax : 088-248215
14.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak Jalan Tun Abang Haji Openg 93590 Kuching, Sarawak	Tel : 082-237853/ 082-250294 Fax : 082-237837
15.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan Peti Surat 80832 87018 Wilayah Persekutuan Labuan	Tel : 087-596000 ext. 6027 / 087-411702 Fax : 087-419011

**LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN
MESIN JUAL AIR SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*)**

Langkah	
1	Log masuk ke laman sesawang http://fosimdomestic.moh.gov.my
2	Klik pada pautan “Daftar Sekarang”
3	Klik pada butang “Mesin Jual Air”
4	Isi semua maklumat pada “Borang Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air” dan klik pada butang “Seterusnya”
5	Klik pada butang “Hantar”
6	Catatkan ID Pengguna dan Katalaluan dan klik pada butang “Laman Utama” untuk membuat permohonan
7	Masukkan ID Pengguna dan Katalaluan dan tekan butang “Submit”
8	Klik pada menu “Aplikasi MJA” dan klik pada submenu “Baru/Pembaharuan”
9	Isikan semua maklumat dengan lengkap
10	Klik butang “Hantar” untuk menghantar permohonan dan catatkan nombor fail sebagai rujukan
11	Klik butang “Cetak Maklumat” untuk mencetak maklumat permohonan.
12	Status permohonan boleh disemak pada submenu “Status Permohonan”

SENARAI FI LESEN YANG DITERIMA DARIPADA PEMOHON

No.	Nama Pemilik Mesin Jual Air	Bil. MJA	Jumlah Bayaran (RM)	No resit.

Disediakan oleh (PKD) :

.....
(Nama pegawai)

Cop Jawatan

**FORMAT SURAT MAKLUMAN BAYARAN FI LESEN BAGI PERMOHONAN LESEN
UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR**

Ruj Kami :

Tarikh :

Nama pemohon

Alamat pemohon:

.....

Tuan/Puan,

**MAKLUMAN BAYARAN FI LESEN BAGI TUJUAN KELULUSAN LESEN UNTUK
MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR BAGI MAKSUD PERDAGANGAN ATAU
PERNIAGAAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan pihak tuan/puan bagi Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air (MJA) Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan telah diterima dan disemak untuk tujuan kelulusan lesen. Senarai mesin jual air adalah seperti seperti berikut:

Bil.	Alamat Lokasi Mesin Jual Air	No. Siri Mesin Jual Air

3. Lesen di bawah Peraturan 360C(4), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 akan dikeluarkan selepas pembayaran fi lesen sebanyak RM150.00 (Ringgit Seratus Lima Puluh Sahaja) bagi setiap mesin jual air melalui tunai/ wang pos/ bank draf atau kiriman wang atas nama Pegawai Kesihatan Daerah/ Pegawai Kesihatan Bahagian/ Pegawai Kesihatan Kawasan diterima.

4. Permohonan ini akan **dibatalkan** sekiranya Pejabat ini tidak menerima apa-apa bayaran dari pihak tuan/puan dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
 ()

**FORMAT SURAT IRINGAN BAGI PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN
MESIN JUAL AIR**

Ruj Kami :
Tarikh :

Pengarah Kanan
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Menara Prisma, No. 26
Jalan Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Putrajaya
(u.p : Timbalan Pengarah Caw. Industri Domestik)

Puan,

**LAPORAN AKHIR DAN FI LESEN BAGI PERMOHONAN LESEN UNTUK
MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR BAGI MAKSUD PERDAGANGAN ATAU
PERNIAGAAN (BARU/ PEMBAHARUAN)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan senarai semak, laporan akhir dan salinan fi lesen bagi permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan bagi pemohon/ syarikat seperti berikut :

Bil.	Nama Pemohon/ Syarikat	Bil. MJA

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
()

JADUAL KEDUA PULUH LIMA, PERATURAN-PERATURAN MAKANAN 1985

[Subperaturan 360B(3) dan 360C(3)]

STANDARD BAGI AIR MINUMAN BERBUNGKUS DAN AIR DARI MESIN JUAL AIR

1. Standard fizikal

<i>Sifat fizikal</i>	<i>Kadar maksimum yang dibenarkan</i>
pH	6.5-8.5
Warna (Unit Warna Sebenar)	5
Kekeruhan (Unit kekeruhan nefelometrik)	0.1

2. Standard kimia

<i>Kimia</i>	<i>Paras maksimum yang dibenarkan dalam miligram bagi setiap liter (mg/l)</i>
Aldrin/Dieldrin	tiada
Aluminium (sebagai Al)	0.04
Ammonia (sebagai N)	0.1
Detergen Anionik (MBAS)	0
Antimoni	0.001
Arsenik (sebagai As)	0.001
Barium	0.14
Biosida (Jumlah)	0.02
Boron	0.1
Bromodiklorometana	0.012*
Bromoform	0.02*
Kadmium (sebagai Cd)	0.0006
Ekstrak karbon kloroform	0.1
<i>Chlordane</i>	tiada
Klorida (sebagai Cl)	50
Kloroform	0.006*
Klorpirifos	tiada
Kromium (sebagai Cr)	0.01
Kuprum (sebagai Cu)	0.2
Sianida (sebagai CN)	0.014
2,4-D	tiada
DDT	tiada
Dibromoklorometana	0.02*
Endosulfan	tiada

<i>Kimia</i>	<i>Paras maksimum yang dibenarkan dalam miligram bagi setiap liter (mg/l)</i>
Fluorida (sebagai F)	0.6
Kekerasan (sebagai CaCO ₃)	100
Heptaklor & heptaklor epoksida	tiada
Heksaklorobenzena	tiada
Besi (sebagai Fe)	0.06
Plumbum (sebagai Pb)	0.002
Lindana	tiada
Magnesium	30
Mangan (sebagai Mn)	0.02
Merkuri (sebagai Hg)	0.0002
Metoksiklor	tiada
Minyak mineral	0.06
Nitrit (dihitung sebagai NO ₂ ⁻)	0.04 [#]
Nitrat (dihitung sebagai NO ₃ ⁻)	10 [#]
Nitrat (dihitung sebagai N)	2
Nikel	0.004
Fenol	0.0004
Residu klorin (Bebas)	0.04
Selenium (sebagai Se)	0.002
Argentum (sebagai Ag)	0.01
Natrium (sebagai Na)	40
Stirena	0.02
Sulfat (sebagai SO ₄)	50
Zink (sebagai Zn)	0.6

3. Standard Bakteriologi



<i>Bakteria</i>	<i>Kaedah</i>	<i>Kiraan bagi setiap 100 ml</i>
Jumlah koliform	1. Kaedah tiub berbilang (37°C/48 jam)	Hendaklah tidak melebihi 10 (Bilangan Paling Mungkin)
	2. Turas membran	Tidak lebih daripada 4 koloni bagi setiap 100 ml
<i>Bakteria</i>	<i>Kaedah</i>	<i>Kiraan bagi setiap 100 ml</i>
<i>Escherichia coli</i> atau koliform termotoleran	Kaedah tiub berbilang	Tiada (Bilangan Paling Mungkin)



<i>Bakteria</i>	<i>Kaedah</i>	<i>Kiraan bagi setiap 100 ml</i>
<i>Streptococci najis</i>	Turas membran	Tiada dalam 100 ml
<i>Pseudomonas aeruginosa</i>	Turas membran	Tiada dalam 100 ml
<i>Clostridium perfringens</i>	Turas membran	Tiada dalam 100 ml
Anaerob penurun sulfit	Turas membran	Tiada dalam 100 ml

4. Radioaktiviti

Gross α	0.1 Bq/l
Gross β	1.0 Bq/l

JADUAL PANDUAN PENSAMPELAN BAGI PELESENAN MESIN JUAL AIR

ANALISIS	KUANTITI SAMPEL	JENIS PEMBUNGKUS	PENGAWET	SUHU PENYIMPANAN	HOLDING TIME	MAKMAL
Bakteriologi						
1. <i>Total coliform</i> 2. <i>E.coli</i> 3. <i>Clostridium perfringens</i>	250ml x 2	Beg plastik steril 	Tiada	1 - 4°C	24 jam	Jabatan Kimia Malaysia; ~Petaling Jaya ~Perak ~Johor ~Sabah ~Kuching Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Miri
Kimia						
1. Besi (Fe) 2. Aluminium (Al) 3. Arsenik (As) 4. Plumbum (Pb)	50ml x 2 atau 60ml x 2	Plastic bottle with leak proof stopper 	Titiskan larutan (1+1) asid nitrik (HNO ₃) hingga pH <2	> 0°C hingga 6°C	4 hari	Jabatan Kimia Malaysia; ~Petaling Jaya ~Kuching

ANALISIS	KUANTITI SAMPEL	JENIS PEMBUNGKUS	PENGAWET	SUHU PENYIMPANAN	HOLDING TIME	MAKMAL
Ammonia (NH ₃)	60ml x 2	Amber glass bottle with leak proof stopper 	Titiskan larutan (1+1) asid sulfurik (H ₂ SO ₄) hingga pH <2	> 0°C hingga 6°C	4 hari	Jabatan Kimia Malaysia; ~Petaling Jaya ~Kuching
Nitrit (NO ₂)	50 ml x 2 atau 60 ml x 2	Plastic bottle with leak proof stopper 	Tiada	> 0°C hingga 6°C	4 hari	Jabatan Kimia Malaysia; ~Petaling Jaya ~Kuching

Nota :

1. Bekas sampel perlu disediakan oleh pihak syarikat. Bekas sampel perlu disimpan di tempat yang bersih dan selamat untuk mengelakkan sebarang pencemaran.
2. Sampel yang telah diisi ke dalam bekas sampel, perlu dimasukkan ke dalam bekas yang sesuai semasa penghantaran ke makmal berdasarkan keperluan suhu. Pemohon perlu menyediakan bekas yang sesuai (*cool box / styrofoam box*) dan mengawal suhu sampel dengan menggunakan ais/ *ice pack*. Elakkan penggunaan ais kering (*dry ice*).
3. Kos penghantaran sampel dan kos analisis adalah di bawah tanggungjawab pemohon.
4. Perubahan penggunaan jenis bekas sampel akan dimaklumkan oleh pihak KKM mengikut keperluan semasa.

JADUAL PENGHANTARAN SAMPEL

BIL	PERKARA	PENSAMPELAN DIJALANKAN OLEH	SAMPEL DIHANTAR OLEH	MAKMAL TERLIBAT	PARAMETER
1.	Pensampelan Permohonan Baru	Pegawai PKD/PKB/PKK	Pemohon	Makmal yang diluluskan	Tiga (3) parameter bakteriologi dan enam (6) parameter kimia
2.	Pensampelan Semula (Permohonan Baru & Pembaharuan)	Pegawai PKD/PKB/PKK	Pemohon	Makmal yang diluluskan	Parameter yang melanggar sahaja
3.	Pensampelan Pemantauan KKM	Pegawai PKD/PKB/PKK	Pemohon	Makmal yang diluluskan	Parameter yang ditentukan oleh KKM

PENGHARGAAN

Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan (PKKM) ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan garis panduan ini.

Penaung

En. Mohd Salim bin Dulatti

Penasihat

Pn. Norrani binti Eksan

Ketua Editor

Pn. Noraliza binti Mohd Akhir

Ahli

En. Shanmugam Supramaniam

Pn. Afaf Ruhi binti Abdul Fattah

En. Mohd Shahrulnizam bin Mah Hassan

Pn. Aimi Syahirah binti Shokarny

Pn. Siti Syahraini binti Mahamed Rusdi

Turut Menyumbang

Jabatan Kimia Malaysia

Semua Jabatan Kesihatan Negeri